

Identiti Melayu dalam Novel Terpilih

Rosnani Md Zain^{1*} dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi¹

¹Universiti Putra Malaysia.

ABSTRAK

Makalah ini membicarakan identiti Melayu yang terdapat dalam dua novel kajian, iaitu novel Nenek karya Razali Endun dan Luka Nering karya Malim Ghazali PK. Novel Nenek merupakan pemenang Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2014, manakala Luka Nering tersenarai pendek dalam anugerah tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk mengklasifikasi dan menganalisis identiti Melayu yang terdapat dalam kedua-dua novel tersebut. Kajian ini menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu (SPB4K) janaan Mohd Yusof Hasan untuk menganalisis teks. Pengkaji mendapati terdapat empat identiti Melayu yang ditemukan dalam novel kajian. Antaranya keagamaan, tatacara perhubungan dalam masyarakat, keintelektualan dan kekreatifan Melayu. Rumusan daripada kajian ini membuktikan bahawa pengarang kedua-dua novel berjaya membawakan identiti Melayu dalam karya mereka.

Kata Kunci: Identiti, Melayu, Hadiah Sastera Perdana Malaysia, SPB4K.

Malay Identity in Selected Novels

ABSTRACT

This paper talks about Malay identity that is depicted in two selected novels entitled Nenek and Luka Nering written by Razali Endun and Malim Ghazali respectively. Nenek has won Hadiah Sastera Malaysia in 2014 and Luka Nering on the other hand was short listed in the category. The objective of this research is to classify and analyse Malay identity that are depicted in the two novels. The theory of Sistem Pemikiran Bersepadu founded by Mohd Yusof Hassan is used in this research to analyse the selected texts. The scholar has identified four Malay identities. They are religion, procedure of communication in the community, intellectuality and Malay creativity. The summary of this research proves that the authors of the selected novels have succeeded in instilling Malay identity in their works.

Keywords: Identity, Malay, Hadiah Sastera Perdana Malaysia, SPB4K.

PENGENALAN

Novel merupakan salah satu genre yang terdapat dalam Kesusasteraan Melayu. Genre ini sering mendapat perhatian daripada pengkaji meskipun ia baru sahaja diperkenalkan dalam masyarakat Melayu pada abad ke-20. Novel merujuk kepada sebuah prosa cereka yang panjang menceritakan kisah hidup manusia pada suatu masa, tempat tertentu dan menyentuh persoalan kehidupan yang menarik (Hashim Awang, 1984:45). Hal ini dipersetujui oleh Yahaya Ismail (1976:30) yang mengatakan bahawa novel adalah sebuah cerita panjang yang ditulis dalam bentuk prosa. Oleh kerana penulisan novel tidak terbatas, maka novel menjadi sangat popular sejak abad kelapan belas hingga dewasa ini. Identiti merujuk kepada “tanda” pengenalan yang wujud, melalui tindakan dan imej yang dipamerkan oleh seseorang untuk menunjukkan ciri-ciri istimewa yang dimiliki sebagai mewakili imej yang dibawa dan boleh membezakan dirinya

*Koresponden: nanieyzain@gmail.com

dengan orang lain seperti bahasa harian yang digunakan dalam percakapan, pakaian yang dipakai, kebendaan, kebudayaan, dan lain-lain. Identiti ini juga saling berkait rapat antara hubungan sosial yang berlaku sama ada antara individu yang lain atau satu kelompok dengan kelompok yang lain kerana ia membezakan keunikan yang mewakili individu atau kelompok tersebut (Nor Faridah, 2015:41).

Apabila membicarakan tentang 'Melayu,' ia merujuk kepada satu rumpun bangsa Nusantara yang terdapat di Tanah Melayu dan istilah kemelayuan pula membawa maksud satu rumpun bangsa yang mengamalkan unsur tradisi dan adat istiadat tersendiri (Ishak Saat, 2016:2). Takrif yang sama juga dijelaskan dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 160 (2) menyatakan Melayu adalah seseorang yang menganuti agama Islam, lazimnya bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat resam Melayu (Haji Suhaimi Said, 1984:1). Justeru, dalam konteks kajian ini identiti Melayu merujuk kepada ciri-ciri istimewa yang dimiliki oleh orang Melayu. Ciri istimewa inilah yang membezakan orang Melayu dengan bangsa-bangsa lain di dunia, iaitu dari aspek agama, bahasa dan budaya kemelayuan. Aspek-aspek ini dapat dilihat menerusi karya seni mereka, iaitu genre novel yang sering mengetengahkan identiti Melayu.

Kertas kerja ini mempunyai dua objektif kajian, iaitu untuk mengklasifikasi dan menganalisis identiti Melayu yang terdapat dalam novel *Nenek* karya Razali Endun (2014) dan *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK (2014). Kajian yang dijalankan ini bagi melihat dua pengarang tempatan, iaitu Razali Endun dan Malim Ghazali PK mengangkat persoalan identiti Melayu dalam karya mereka. Dua persoalan yang timbul dalam kajian ini ialah adakah terdapat identiti Melayu dalam novel *Nenek* dan *Luka Nering*? Kedua, bagaimanakah Razali Endun dan Malim Ghazali PK memperlihatkan identiti Melayu dalam karya mereka?

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks dalam mengumpul data dan maklumat berkaitan aspek yang ingin dikaji. Dalam kajian ini, novel *Nenek* karya Razali Endun dan *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK akan dijadikan sebagai bahan utama kajian. Kajian ini mempunyai beberapa tahap perancangan, antaranya ialah tahap pemilihan bahan, pengumpulan data, penganalisan data dan seterusnya tahap membuat kesimpulan. Pada tahap pemilihan bahan, bahan dipilih berdasarkan kepada kesesuaian aspek yang akan dikaji, iaitu berkaitan dengan identiti Melayu. Pada tahap ini, bahan akan diteliti sama ada ianya sesuai dalam memberi gambaran berkaitan aspek yang ingin dianalisis. Seterusnya, setelah pemilihan bahan dilakukan data akan dikumpul berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Pada tahap penganalisan data, setiap data yang diperolehi pada tahap sebelumnya akan dianalisis bagi menjawab persoalan kajian dan seterusnya dapatan kajian akan dilakukan. Melalui dapatan kajian, rumusan akan dilakukan bagi memperlihatkan identiti Melayu dalam novel *Nenek* dan *Luka Nering*.

Seterusnya, kajian ini akan menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu untuk mengukuhkan dapatan kajian. Teori ini pada awalnya dikenali sebagai SPB4L yang diperkenalkan oleh tokoh sarjana di Universiti Pengurusan Sultan Idris (UPSI), iaitu Mohd Yusof Hasan pada tahun 2001. Kemudian pada tahun 2004, teori ini dikenali sebagai Sistem Pemikiran Bersepadu 4K. Menurut Mohd Yusof Hasan, teori ini mementingkan konsep kesepaduan antara keempat-empat pemikiran tersebut. Konsep 4K terdiri daripada Kerohanian, Kebitaraan, Kesaintifikan dan Kekreatifan. Keempat-empat kemahiran pemikiran ini perlu dimiliki secara seimbang dan bertimbal balik dan bukannya secara berasingan (Mohd Yusof Hassan, 2001:3).

Pemikiran Kerohanian merupakan pemikiran yang amat suci, luhur dan tinggi martabatnya. Pemikiran ini berhubungan dengan keimanan, ketauhidan dan kepercayaan manusia terhadap keesaan dan kebesaran Allah SWT. Pemikiran Kerohanian ini turut melihat dwi peranan

manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Pemikiran ini akan melahirkan manusia soleh atau solehah (Mohd Yusof Hasan, 2004:59).

Pemikiran Kebitaraan ialah pemikiran yang berkaitan dengan peranan akal dan minda manusia dengan berteraskan kebijaksanaan atau kebestarian. Pemikiran ini membawa manusia ke arah kegemilangan dan kecemerlangan dalam hidup. Pemikiran ini khusus untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Dalam agama Islam, ia mementingkan asas kekeluargaan yang bermula daripada perkahwinan manusia, hubungan suami isteri, mengandung, penjagaan pendidikan asas semasa bayi dan pendidikan kanak-kanak. Oleh yang demikian, penggunaan pemikiran kebitaraan dalam karya sastera adalah untuk memperlihatkan dan menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat (Mohd Yusof Hasan, 2004:56).

Pemikiran Kesaintifikan merupakan pemikiran yang bersifat logik, saintifik yang membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka. Dalam komunikasi sehari-hari sesama manusia, kegiatan dalam penulisan dan pembacaan, pertuturan dan pendengaran, manusia perlu menggunakan ilmu logik. Logik ialah proses penaakulan yang membawa kepada keputusan seperti idea, fakta atau keputusan. Ilmu logik ialah keseluruhan proses yang membawa kepada keputusan melalui penakulan yang berdasarkan bukti-bukti yang jelas dan konkrit. Siti Khariah Mohd Zubir (2011:152) mengatakan bahawa melalui penghasilan sesebuah karya yang berteraskan pemikiran kesaintifikan, sesebuah karya haruslah mengemukakan latar belakang yang sebenar atau benar-benar wujud, menggunakan latar tempat yang indah permai, suasana yang kondusif, latar masa yang sesuai, fakta yang jelas, nada yang positif, zaman yang relevan dan waktu yang jelas.

Pemikiran Kekreatifan sangat berguna bagi pembinaan idea baru, pembaharuan dalam perkembangan produksi dan sistem pemasaran, penyelesaian masalah dan ambilan keputusan, pengkajian data daripada pelbagai sudut untuk mendapat maklumat yang berguna dan pencarian jalan bagi menyempitkan perbezaan pendapat dalam kalangan manusia dan konsep. Hal ini selari dengan pendapat Siti Khariah Mohd Zubir (2008:75) mentakrifkan bahawa pemikiran kreatif sebagai suatu pemikiran yang berkemampuan mencipta sesuatu yang baharu. Oleh itu, manusia perlu mempunyai sifat lateral, kreatif, inovatif, subjektif, memberi idea dan pendapat serta bersifat estetik dan falsafah. Pemikiran jenis ini tercetus dari hemisfera otak kanan atau hoka yang bersifat sastera dan seni. Pemikiran ini melahirkan insan yang sensitif, ceria, berjenaka dan optimis dalam kehidupan. Menurut Mardzelah Makhsin (2007:170), individu yang mempunyai pemikiran kekreatifan dianggap sebagai individu yang spontan dan sanggup mengambil risiko serta melakukan kesilapan. Mereka juga dianggap sebagai orang yang dapat menerima idea-idea dan pengalaman yang baru. Justeru, Mohd Yusof Hasan (2004:199) mengatakan bahawa pemikiran ini lebih mementingkan aspek kreativiti, imaginasi, rekaan dan khayalan, seni dan estetika. Ini bermakna pemikiran ini melihat aspek teknik, bentuk visual dan stail (gaya bahasa) dalam karya sastera.

TEORI SISTEM PEMIKIRAN BERSEPADU 4K (SPB4K)

**PEMIKIRAN
KEROHANIAN**

**PEMIKIRAN
KEBITARAAN**

**PEMIKIRAN
KESAINTEFIKAN**

**PEMIKIRAN
KEKREATIFAN**

Rajah 1. Teori sistem pemikiran bersepadu 4K.

Secara keseluruhannya, Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) ini merupakan teori yang relevan untuk diaplikasikan bagi menganalisis kajian berkaitan identiti Melayu dalam karya sastera. Hal ini berikutan tunjang kepada Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K ini merupakan pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan yang secara langsung dapat dihubungkan dengan keupayaan pengarang untuk menyerlahkan identiti Melayu secara ilmiah dan menyeluruh.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil perbincangan kajian mendapati identiti Melayu dalam novel *Nenek* dan *Luka Nering* bertunjangkan kepada empat konsep yang utama, iaitu berteraskan ajaran agama Islam (keagamaan), tatacara kehidupan orang Melayu, kesenian dan keintelektualan Melayu.

Keagamaan

Menurut Othman Puteh (2010:144), keagamaan merujuk kepada nilai-nilai agama Islam yang murni, mengandungi kebenaran dalam ajaran dan amalannya, sama ada yang diperolehi dalam akidah, ibadat, sistem akhlak dan ajaran syarifat yang ditinjau dari aspek hukumnya. Oleh yang demikian, nilai keagamaan ini amat penting dalam kehidupan agar manusia tidak terpesong dan melakukan perbuatan yang boleh meruntuhkan nilai-nilai moral. Nilai keagamaan juga merupakan benteng kepada manusia untuk mengamalkan amar makruf dan nahi mungkar. Dalam kajian ini, terdapat beberapa identiti Melayu yang berteraskan ajaran agama Islam, iaitu ibadah solat,

(i) Solat

Pengertian solat dari segi istilah merujuk kepada perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan *takbiratulihram* dan diakhiri dengan salam, dengan syarat-syarat yang khusus (Rohidzir Rais, 2011:02). Solat fardhu lima kali sehari merupakan Rukun Islam kedua yang menjadi kewajipan umat Islam dan solat juga merupakan tiang agama. Sesebuah rumah atau bangunan tidak dapat didirikan tanpa tiang. Ini menunjukkan kepentingan solat kepada umat Islam. Perintah mengenai kewajipan mendirikan solat ini telah ditegaskan oleh Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 103 yang dipetik daripada tulisan Rohidzir Rais (2011:02) yang bermaksud, 'Maka dirikanlah solat, sesungguhnya solat itu adalah fardhu yang ditentukan waktunya ke atas orang-orang beriman.'

Melalui perintah Allah ini, ternyata jelas kepada umat Islam bahawa solat merupakan aspek penting dalam Islam sebagaimana yang dinyatakan oleh Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, 'Pokok segala urusan adalah Islam, sedangkan tiangnya adalah solat dan puncaknya berjuang di jalan Allah'. Hal ini juga diperjelaskan oleh Sayyid Sabiq dalam *Fiqh Sunnah* yang telah diterjemah oleh Mahyudin Syaf (1985:50) mengatakan bahawa 'solat itu tiang agama. Sesiapa yang mendirikan solat, ia menegakkan agama dan sesiapa yang meninggalkan solat, ia akan meruntuhkan agama'.

Dalam novel *Nenek* karya Razali Endun (2014) dapat dilihat melalui gambaran watak Mak Som yang prihatin terhadap kewajipan menunaikan solat fardhu. Hal ini dilihat apabila Mak Som bertanya kepada anaknya, Mahfus sama ada sudah menunaikan solat Asar ataupun belum. Ini menunjukkan bahawa Mak Som menitikberatkan kewajipan menunaikan solat fardhu. Sikap Mak Som ini bertepatan dengan Pemikiran Kerohanian, iaitu pemikiran yang mementingkan hubungan baik dengan Allah SWT. Pemikiran ini juga dikenali sebagai pemikiran keagamaan yang membawa manusia mengenal Pencipta dengan mentauhid dan mengeesakan Allah SWT. Keadaan ini dilihat melalui petikan dalam *Nenek* (2014:30) yang berbunyi, "Kau dah solat

Asar?" kata Mak Som yang tercegat di muka pintu. "Waktu Asar dah nak habis ini", kata orang tua itu menyambung.

Novel *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK (2014) turut mengetengahkan kewajipan menunaikan solat fardhu. Hal ini dilihat melalui watak TC yang amat menjaga solatnya. Ketika ditanya oleh kakitangan wad mengenai barang yang diperlukan, TC hanya inginkan sejadah untuk bersolat. Jelas di sini bahawa TC amat mementingkan solat. Ini dapat dijelaskan melalui petikan dalam *Luka Nering* (2014:55) seperti berikut, "Kalau boleh, saya perlukan sehelai sejadah dan sebuah mesin taip", pinta TC dengan nada seakan-akan merayu. Oleh yang demikian, sikap TC ini bersesuaian dengan Pemikiran Kerohanian, iaitu berhubungan dengan keimanan, ketauhidan, kepercayaan manusia terhadap keesaan dan kebesaran Allah SWT.

Selain solat fardhu, umat Islam juga dituntut mengerjakan ibadat sunat. Dalam novel *Nenek* karya Razali Endun (2014), penduduk kampung dilihat menunaikan solat hajat ketika menghadapi masalah. Penduduk kampung tidak pernah lupa memohon pertolongan daripada Allah. Mereka sepakat untuk mengadakan solat hajat bagi mendapat keberkatan atas usaha yang dilakukan. Para ulama mentakrifkan solat hajat merupakan solat sunat yang dilakukan sebanyak dua rakaat kerana suatu hajat kepada Allah SWT, baik mengenai urusan dunia mahupun urusan akhirat (Muhammad Isa Selamat 1999:13). Ini dapat dilihat melalui petikan berikut.

"Alhamdulillah!" Haji Sapuan menadah kedua telapak tangannya ke langit sambil mulutnya terkumat-kamit berdoa serta memuji kebesaran Ilahi. "Jemaah kita di surau Haji Khamis akan mengadakan solat hajat. Kita sama-sama doakan segala usaha kita mendapat keberkatan," katanya.

(*Nenek*, 2014:142)

Amalan yang dilakukan oleh penduduk kampung ini bersesuaian dengan Pemikiran Kebitaran yang amat menekankan peranan akal dan minda manusia. Solat hajat yang dilakukan oleh penduduk kampung ketika menghadapi masalah ini merupakan cara yang bijak dan bestari. Mereka memohon pertolongan daripada Allah SWT. Hal inilah yang ditegaskan oleh Mohd Yusof Hasan berkaitan dengan kehebatan minda manusia digunakan secara bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Selain solat hajat, Razali Endun turut mengetengahkan solat tahajud dalam novel *Nenek*. Solat tahajud ialah solat sunat yang dikerjakan pada waktu malam hari dan dilaksanakan selepas tidur terlebih dahulu, walaupun tidurnya hanya sebentar (Mohammad Salleh, 2009:96). Ini dapat dilihat menerusi watak Mak Som. Dalam keadaan masih bertelekung, orang kampung percaya bahawa Mak Som menunaikan solat tahajud. Ini dapat dijelaskan melalui petikan dalam *Nenek* (2014:205) seperti berikut, iaitu 'Ketika ditemui pada pagi Aidiladha, Mak Som masih bertelekung. Berdasarkan keadaannya, orang kampung percaya Mak Som bangun bertahajud sebelum itu.' Amalan yang dilakukan oleh Mak Som ini selari dengan Pemikiran Kerohanian, iaitu berhubungan dengan keimanan, ketauhidan dan kepercayaan manusia terhadap keesaan dan kebesaran Allah SWT.

(ii) Doa

Dalam novel *Nenek* karya Razali Endun (2014), amalan berdoa ini dipraktikkan ketika bacaan doa selamat yang dibacakan oleh Haji Kusnin. Doa selamat tersebut bertujuan memohon agar Allah SWT melindungi penduduk kampung yang akan menunaikan umrah. Situasi tersebut dapat dilihat melalui petikan dalam *Nenek* (2014:169) seperti berikut, 'Imam masjid, Haji Kusnin membacakan doa selamat sebelum rombongan berlepas selepas waktu Asar. Ramai orang kampung berkerumun di masjid untuk melihat keberangkatan rombongan itu.' Amalan

berdoa ini selari dengan Pemikiran Kerohanian, iaitu berhubung dengan keimanan, ketauhidan dan kepercayaan manusia terhadap keesaan dan kebesaran Allah SWT.

Hal yang sama turut diperlihatkan dalam novel *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK (2014) melalui watak TC yang sering mengamalkan doa dalam solatnya. Dia tidak lupa berdoa supaya Allah melepaskannya daripada bebanan yang ditanggung selama ini. Keadaan tersebut dapat diperhatikan melalui petikan dalam *Luka Nering* (2014:305) yang berbunyi, 'Dia segera mengambil wuduk dan solat zuhur. Dalam doanya dia memohon kepada Allah supaya melepaskannya daripada musibah yang sudah membelenggunya sekian lama.' Sikap TC ini selari dengan Pemikiran Kerohanian, iaitu berhubung dengan keimanan, ketauhidan dan kepercayaan manusia terhadap keesaan dan kebesaran Allah SWT.

Justeru, doa merupakan senjata orang Mukmin. Hal ini dapat dilihat melalui sabda Rasulullah saw dalam riwayat Abu Ya'ala dan al-Hakim yang bermaksud 'Doa itu senjata orang mukmin, tiang bagi agama, cahaya langit dan bumi.'

(iii) Rukun Iman

Unsur keagamaan yang seterusnya ialah menerima takdir. Dalam novel *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK (2014), hal ini dapat dilihat melalui watak TC yang menerima takdir Ilahi. TC sentiasa positif dalam menghadapi masalah yang membelenggu dirinya. Percaya kepada qada dan qadar merupakan salah satu Rukun Iman. Petikan tersebut dapat dilihat dalam novel *Luka Nering* (2014:04) 'Berlaku atau tidak berlaku, semuanya takdir, dia sering memujuk hati kecilnya. Manusia boleh merancang apa-apa sahaja, tetapi Allah menentukan segalanya.' Oleh yang demikian, sikap TC ini bersesuaian dengan Pemikiran Kerohanian, iaitu berhubung dengan keimanan, ketauhidan dan kepercayaan manusia terhadap keesaan dan kebesaran Allah SWT.

Berdasarkan petikan tersebut jelas bahawa nilai agama yang dipegang oleh TC dapat menghalang daripada terus meratapi nasib yang menyimpannya. Walaupun TC tidak pasti berapa lama lagi dia akan terkurung di situ, namun dia tidak menyalahkan takdir dan sentiasa berfikir positif. Oleh itu, dalam menjalani kehidupan sebagai pesakit mental, TC tidak pernah lupa menunaikan tanggungjawab sebagai hamba-Nya. Hal ini jelas dinyatakan oleh P.N.H Simanjuntak (2007:17) melalui penyataannya yang berbunyi, 'Norma agama mengajarkan apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh manusia agar selamat serta bahagia di dunia dan di akhirat.'

Seterusnya dalam novel *Nenek* karya Razali Endun (2014), unsur keagamaan dapat dilihat menerusi pendekatan yang digunakan bagi mengelakkan melakukan dosa. Hal ini dilihat melalui watak Tipah Lawa yang berjaya mengawal dirinya daripada melakukan maksiat. Tipah Lawa akan mengambil wuduk dan berdoa semoga Allah melindunginya daripada melakukan maksiat. Bagi menghindarkan perbuatan sumbang, Tipah Lawa juga akan ke masjid mendengar ceramah agama. Pendekatan yang diambil oleh Tipah Lawa ini menghalangnya daripada melakukan maksiat. Hal ini dapat dijelaskan melalui petikan berikut.

Setakat ini, syukurlah Tipah Lawa berjaya mengatasi segala cabaran dan gejala yang melanda, sama ada luaran mahupun dalaman andai kata tiba-tiba dia gelisah tidak menentu, dia akan cepat-cepat mengambil wuduk dan berdoa semoga Allah menghindarkannya daripada terjerumus ke dalam perbuatan maksiat. Jika keadaan mengizinkan dan ada kelapangan, Tipah Lawa akan ke masjid atau surau untuk berjemaah Maghrib hingga Isyak. Kalau ada ustaz memberi pengajian agama, dia akan tetap berada bersama-sama jemaah. Berkat usaha dan doanya, dia terhindar daripada perbuatan sumbang yang sangat ditakutinya.

(*Nenek*, 2014:188)

Sikap Tipah Lawa ini selari dengan Pemikiran Kebitaraan yang amat menekankan peranan akal dan minda manusia. Pendekatan yang dilakukan oleh Tipah Lawa dapat menghalangnya daripada melakukan maksiat merupakan cara yang bijak dan bestari. Hal inilah yang ditegaskan oleh Mohd Yusof Hasan berkaitan dengan kehebatan minda manusia digunakan secara bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Selain itu, nilai keagamaan ini juga dapat dilihat melalui watak Tok Nenggal. Tok Nenggal juga dapat mengawal nafsunya daripada tergoda dengan bisikan syaitan yang boleh membawa dirinya terjemus dalam perbuatan maksiat. Setiap kali timbul keghairahan yang berlebihan, Tok Nenggal segera mengambil wuduk, membaca al-Quran dan berpuasa. Amalan tersebut menghindarkan dirinya daripada terjerumus ke lembah hina. Sikap Tok Nenggal ini selari dengan Pemikiran Kebitaraan yang amat menekankan peranan akal dan minda manusia. Pendekatan yang dilakukan oleh Tok Nenggal dapat menghalangnya daroada melakukan maksiat merupakan cara yang bijak dan bestari. Hal inilah yang ditegaskan oleh Mohd Yusof Hasan berkaitan dengan kehebatan minda manusia digunakan secara bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

Sebab itu, Tok Nenggal tidak menunjukkan sangat keghairahannya untuk memperisterikan Tipah Lawa. Memang kadangkala dia bagaikan tidak dapat menahan desakan berahinya terhadap janda beranak satu itu. Maklumlah, sudah 20 tahun Tok Nenggal membujang. Kalau di goda nafsu, Tok Nenggal cepat-cepat mengambil wuduk. Dia juga membiasakan dirinya untuk banyak berpuasa dan membaca al-Quran. Tok Nenggal sedar niatnya memperisterikan Tipah Lawa adalah ikhlas dan suci. Lagipun Tipah Lawa seorang muhsanah, manakala dia seorang muhsan.

(*Nenek*, 2014: 200)

Manusia mempunyai fitrah untuk hidup berpasangan. Cara yang menghalalkan hubungan antara lelaki dan wanita ialah melalui perkahwinan. Bagi mereka yang pernah berkahwin, pastinya kehidupan berumah tangga yang pernah dilalui merupakan satu kebahagiaan yang pernah dikecapi bersama pasangan. Perpisahan yang berlaku kerana kematian atau perceraian akan menimbulkan rasa ingin berkahwin lagi. Bagi mereka yang bergelar janda atau duda perlulah melawan hawa nafsu tersebut. Agama Islam sendiri melarang pengikutnya menurut kehendak nafsu yang boleh membawa kepada kebinasaan. Pendekatan yang digunakan oleh Tipah Lawa dan Tok Nenggal ini berjaya menjadi benteng kepada mereka daripada melakukan maksiat. Oleh kerana hawa nafsu itu adalah keinginan hati, maka perjuangan untuk membanterasnya bukanlah mudah, atau boleh dilakukan dengan kata-kata sahaja. Ia mesti diusahakan dengan keazaman serta amalan yang sungguh-sungguh. Antara amalan yang dapat menundukkan hawa nafsu ialah puasa. Puasa dapat melemahkan tenaga serta keinginan seseorang di samping memberi kesedaran dan keinsafan akan tujuan hidup yang sebenarnya (Johari Alias, 1997:146).

Manusia merupakan makhluk yang lemah dan mudah tergoda dengan nafsu yang boleh membinasakan. Oleh yang demikian, mencegah kemungkaran dengan menunaikan solat fardhu serta ibadat lain merupakan benteng daripada terjerumus ke kancah maksiat. Justeru, nilai keagamaan seperti bersolat dan berpuasa yang diamalkan oleh Tok Nenggal serta Tipah Lawa ini berjaya menghalang mereka daripada melakukan maksiat. Hal ini juga disebutkan oleh Muhammad al-Ghazali (2002) yang dipetik oleh Fatin Hazwan Siran (2007:14) dengan mengatakan bahawa “solat yang sempurna itu mencegah manusia daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar. Selain solat, ibadat-ibadat lain yang difardukan di dalam Islam adalah latihan berterusan bagi membentuk akhlak yang mulia”.

Selanjutnya, unsur keagamaan turut dilihat melalui amalan bersedekah. Menurut pendapat Mohd Adid Ab. Rahman (2010:19) yang mengutip pandangan para ulama mengenai definisi sedekah menjelaskan bahawa sedekah merupakan pemberian sesuatu yang berharga atau

berfaedah kepada mereka yang memerlukan. Amalan bersedekah tidak hanya dalam bentuk harta benda, malah menyumbang idea, kemahiran, ilmu serta apa-apa sahaja yang boleh mendatangkan manfaat kepada si penerima. Oleh yang demikian dapat difahami bahawa amalan bersedekah merupakan perbuatan atau amalan yang memberi manfaat dan kebaikan kepada orang yang lain. Amalan bersedekah ini jelas melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r. a, Rasulullah SAW, bersabda:

Pemurah itu seponoh kayu dalam syurga maka siapa yang pemurah nescaya dia mengambilnya sedahan dari pohon itu. Maka dahan tersebut tidak akan meninggalkannya, sehingga dimasukkan ke dalam syurga. Dan kikir itu seponoh kayu di dalam neraka. Maka siapa yang kikir, nescaya dia mengambil sedahan dari dahan-dahannya. Maka dahan itu tidak akan meninggalkannya sehingga dia dimasukkan ke neraka.

(Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 5, 1988:140)

Hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa kebaikan yang diperolehi daripada amalan bersedekah. Sedekah merupakan amalan yang diperintahkan oleh Allah SWT. kepada hambaNya supaya beroleh kelebihan di dunia dan di akhirat. Pahala bersedekah sentiasa berterusan sekalipun pemberi tersebut telah meninggal dunia. Faedah dan kebaikan daripada amalan bersedekah akan sentiasa ada seperti menghulurkan sedekah untuk pembinaan sebuah masjid selagi orang ramai menggunakan masjid tersebut selagi itulah si pemberi akan menerima pahala.

Demikianlah nilai keagamaan yang terdapat dalam kedua-dua novel kajian. Antara nilai keagamaan yang terdapat dalam novel *Nenek* karya Razali Endun ialah pendekatan yang digunakan bagi mengelakkan melakukan dosa, kewajipan menunaikan solat fardhu, mengerjakan ibadat-ibadat sunat yang lain serta amalan berdo'a. Manakala nilai keagamaan yang dapat dikesan dalam novel *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK pula ialah kewajipan menunaikan solat fardhu, kewajipan menguruskan jenazah, amalan bersedekah, menerima qada' dan qadar Illahi, amalan berdo'a dan sikap dermawan untuk membina masjid. Namun demikian, unsur keagamaan yang diketengahkan dalam novel *Luka Nering* memperlihatkan ketidaklogikan kerana mengetengahkan watak orang gila menunaikan solat fardhu, memberi sedekah, membaca kitab-kitab agama dan sebagainya sedangkan dalam Islam orang gila tidak diwajibkan untuk melakukan ibadat-ibadat tersebut.

Tatacara Kehidupan Masyarakat Melayu

Tatacara kehidupan masyarakat Melayu dapat dilihat melalui amalan berjiran. Menurut pandangan Abdul Basir Mohamad (2001:199), perkataan "jiran" sebenarnya berasal daripada perkataan Arab, "jiran" yang bererti dari sudut bahasa adalah "yang berhampiran". Manakala dalam bahasa Inggeris disebut '*neighbour*'. Ditinjau dari sudut Islam pula, jiran merujuk kepada orang yang ada hubungan dengan anda dalam sesuatu kawasan, tempat tinggal berdekatan, iaitu bilangan rumah-rumah sebanyak 40 buah rumah daripada penjuru timur, barat, utara dan selatan di sekeliling rumah anda (Yahaya Ibrahim, 1995:63).

Amalan berjiran dapat dilihat dalam novel *Nenek* karya Razali Endun (2014). Semangat kejiranan ini dapat dilihat melalui watak Mak Som yang amat mengambil berat akan jirannya, iaitu How. How menyara keluarganya di atas tanah sewa Mak Som dengan menanam sayur-sayuran. Mak Som bimbang pengambilan tanah tersebut akan menjejaskan ekonomi keluarga How. Hal ini demikian kerana How tidak memiliki tanah sendiri. Dia hanya bergantung kepada tanah penduduk kampung. Walaupun berlainan bangsa tetapi Mak Som begitu prihatin terhadap nasib yang menimpa How. Ini bersesuaian dengan Pemikiran Kesaintifikan, iaitu pemikiran yang berasaskan kebenaran, kepastian, kenyataan dan hakikat hidup manusia itu sendiri. Hal ini dapat dijelaskan melalui petikan di bawah.

Namun, dia kemudian sedar bahawa kalau tanah itu diambil, How juga akan terjejas. Di mana pula dia akan bercucuk tanam sayur-sayurannya. How juga akan mengalami kerugian. Kalau tanah sawah itu diambil Syarikat Padu Menang, tuan tanah sekurang-kurangnya mendapat pampasan. Namun, How mendapat apa? Putih mata sahaja. Kalau hal itu berlaku, tentu dia mengalami kerugian. Mahu tidak mahu, terpaksa pula How berpindah mencari tempat baharu.

(*Nenek*, 2014:80)

Sehubungan dengan itu, semangat kejiranan yang ditonjolkan oleh Mak Som ini bersesuaian dengan pendapat yang dinyatakan oleh Mustafa Daud (1999:52), iaitu:

Dalam masyarakat mana sekalipun amalan berjiran adalah satu norma dan fenomena sejagat. Malah perpaduan sesuatu masyarakat itu dapat diukur melalui tinggi rendahnya mutu hidup amalan berjiran. Ertinya semakin erat dan tinggilah prestasi perpaduan masyarakat tersebut dan sebaliknya.

Selain daripada adab berjiran, Razali Endun menerusi novel *Nenek* juga menerapkan budaya gotong-royong yang masih diamalkan oleh penduduk di Kampung Bertam Malim. Budaya gotong-royong ini amatlah penting bagi menguatkan ikatan persaudaraan dan perpaduan antara anggota masyarakat. Selain daripada itu, budaya gotong-royong akan menjadikan sesuatu pekerjaan dapat diselesaikan dengan cepat. Sebagai contoh, budaya gotong-royong ini dilakukan apabila tiba musim menuai padi. Tidak kira lelaki atau perempuan, masyarakat akan bekerjasama dalam menjalankan aktiviti tersebut. Ini dapat dilihat berdasarkan petikan dalam novel *Nenek* yang berbunyi, ‘Dulu kalau musim turun ke sawah, orang kampung buat gotong-royong. Bukan saja orang lelaki, anak dara pun turut serta’, ujar Mak Som sambil meneruskan langkahnya satu demi satu di atas permatang.’ (*Nenek*, 2014:64).

Budaya gotong-royong ini bersesuaian dengan Pemikiran Kebitaraan yang amat menekankan peranan akal dan minda manusia. Amalan gotong-royong yang dilakukan oleh penduduk kampung ini merupakan cara yang bijak dan bestari dalam menjalankan aktiviti menuai padi. Hal inilah yang ditegaskan oleh Mohd Yusof Hasan berkaitan dengan kehebatan minda manusia digunakan secara bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah demi kelangsungan hidup manusia.

Sehubungan dengan itu, Wan Rafaie dalam Abdul Halim Othman (1993:112) mengatakan bahawa masyarakat Melayu banyak menekankan kerjasama, tolong-menolong, perpaduan dan lain-lain yang menjadi ciri gotong-royong. Gambaran ini sangat benar pada masa dahulu kerana kekurangan teknologi dan memerlukan tenaga kerja yang ramai untuk mengusahakan sesuatu kerja dalam masa yang singkat. Aktiviti gotong-royong ini banyak berlaku dalam masyarakat tani. Justeru penerapan aktiviti sedemikian seperti yang ditonjolkan oleh Razali Endun dalam novel *Nenek* untuk memberi kesedaran kepada masyarakat pada hari ini bahawa budaya tersebut amat penting dan perlu diteruskan oleh generasi pada masa akan datang. Inilah yang menjadi teras kepada konsep identiti Melayu.

Seterusnya dalam novel *Nenek* karya Razali Endun memperlihatkan tatacara perhubungan dalam masyarakat melalui budaya masyarakat yang menghormati tetamu. Dalam hal ini, Islam amat menggalakkan umatnya melayan baik tetamu yang berkunjung ke rumah mereka. Menghormati tetamu dan memuliakannya adalah antara sifat terpuji yang disyariatkan dalam Islam. Bahkan dalam Islam kemuliaan tetamu ini diperlihatkan melalui kisah di zaman Rasulullah yang dipetik oleh Abdul Aziz Ismail (1999:99) Allah amat mencintai salah seorang sahabat yang telah menghormati tetamu Rasulullah dengan mengenyahkan kepentingan diri dan keluarga semata-mata untuk menghormati dan memuliakannya. Hal ini dapat dilihat melalui perwatakan pembantu rumah Dato’ Mahfus yang melayan baik tetamu Dato’ Mahfus. Beliau telah menyediakan air oren dan cucur badak kepada tetamu Dato’ Mahfus. Hal ini bersesuaian Pemikiran Kerohanian, iaitu berhubung dengan keimanan, ketauhidan dan kepercayaan

manusia terhadap keesaan dan kebesaran Allah SWT. Melayan baik tetamu merupakan salah satu nilai baik yang amat disarankan dalam ajaran agama Islam. Justeru, pembantu rumah Dato' Mahfus mempunyai pemikiran kerohanian iaitu memuliakan tetamu. Keadaan ini dapat dilihat melalui petikan.

Sejurus kemudian, pembantu rumah Dato' Mahfus, Mariati tiba menatang jag air oren dan sepiring kuih cucur badak yang baru digoreng pagi itu. Memang begitulah kebiasaan Mariati. Jika ada tetamu di rumah Dato' Mahfus, dia akan segera menyediakan hidangan untuk mereka.

(*Nenek*, 2014:162)

Seterusnya pengkaji akan meneliti tatacara perhubungan dalam masyarakat dalam novel *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK (2014). Dalam novel ini juga menerapkan adab melayan tetamu yang dapat digambarkan melalui watak Sister Yuria dan Kanda. Mereka menyediakan minuman dan makanan kepada Ku Robot yang datang melawat TC di hospital tersebut. Hal ini bersesuaian Pemikiran Kerohanian iaitu berhubung dengan keimanan, ketauhidan dan kepercayaan manusia terhadap keesaan dan kebesaran Allah SWT. Melayan baik tetamu merupakan salah satu nilai baik yang amat disarankan dalam ajaran agama Islam. Justeru, Sister Yuria dan Kanda memiliki pemikiran kerohanian dalam diri mereka iaitu memuliakan tetamu. Ini dapat dilihat melalui petikan berikut.

"Silakan TC, Ku Robot, rasalah buah-buahan hasil *farm* pesakit-pesakit". Sister Yuria mempelawa TC dan Ku Robot minum dan menjamah buah-buahan yang diletakkan di atas meja.

(*Luka Nering*, 2014: 278)

Menerusi novel *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK (2014), terdapat fenomena jalinan persahabatan yang diterapkan oleh pengarang. Setiap manusia memerlukan sahabat. Yakni sahabat yang boleh membantu kita ketika berada dalam situasi yang tidak menyenangkan. Seorang sahabat yang baik pasti tidak akan meninggalkan sahabatnya ketika berhadapan dengan situasi yang sukar. Di dalam al-Quran, Allah SWT telah menegaskan 'manusia hidup berpasang-pasangan dan bermasyarakat.' Oleh hal yang demikian, sahabat amat diperlukan oleh setiap insan. Berhubung dengan perkara tersebut, Islam telah menggariskan beberapa panduan dalam memilih sahabat. Hal ini dapat diperhatikan melalui nasihat Al-Qamah yang menerangkan sifat-sifat seorang sahabat yang baik kepada anaknya. Antara sifat tersebut ialah sahabat yang baik ialah orang yang dapat membantu kita dalam apa jua kesusahan atau kesulitan yang sedang kita hadapi dalam apa jua bentuk (Johari Alias, 1997:88-89).

Tatacara perhubungan dalam masyarakat dapat dilihat melalui jalinan persahabatan yang kukuh di antara Gina dan Arbakyah. Persahabatan mereka ini ibarat isi dengan kuku. Arbakyah selalu menemani Gina bagi memastikan Gina tidak berada dalam situasi yang sukar dan selalu memujuk Gina jika sahabatnya itu berhadapan dengan kesedihan. Fenomena tersebut dapat dijelaskan melalui ayat yang berbunyi, 'Gina tu pelupa. Nasib baik ada Arbakyah yang selalu menemaninya. *Deme* tu macam isi dengan kuku.' (*Luka Nering*, 2014:169). Sikap Arbakyah ini bersesuaian dengan Pemikiran Kebitaraan yang amat menekankan peranan akal dan minda manusia. Arbakyah yang selalu menemani Gina ketika berada dalam kesedihan merupakan strategi yang bijak agar Gina tidak melakukan perkara yang buruk. Hal inilah yang ditegaskan oleh Mohd Yusof Hasan berkaitan dengan kehebatan minda manusia digunakan secara bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah demi kelangsungan hidup manusia.

Selain itu, pengarang berjaya mengetengahkan hubungan dalam masyarakat yang bersifat prihatin terhadap golongan yang memerlukan. Sifat prihatin ini menjadi amalan sebahagian penduduk di pekan TR yang menyediakan peluang pekerjaan kepada bekas pesakit tersebut. Hal ini memperlihatkan kepada kita bahawa masyarakat tidak memandang rendah kepada bekas pesakit mental. Mereka masih disayangi oleh masyarakat. Oleh yang demikian

keprihatinan masyarakat amat diperlukan oleh bekas pesakit mental untuk mereka bangkit kembali meneruskan kehidupan selepas melalui kesakitan. Sikap prihatin penduduk kampung ini bersesuaian dengan Pemikiran Kebitaraan yang amat menekankan peranan akal dan minda manusia. Masyarakat yang prihatin dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada bekas pesakit mental merupakan strategi yang bijak agar mereka tidak merasa terpinggir dalam masyarakat. Hal inilah yang ditegaskan oleh Mohd Yusof Hasan berkaitan dengan kehebatan minda manusia digunakan secara bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah demi kelangsungan hidup manusia. Situasi tersebut jelas dalam petikan di bawah:

Dia tidak menyangka masyarakat di pekan TR sangat prihatin dengan bekas pesakit yang ramai berkeliaran di pekan itu. Ada juga penduduk yang menawarkan kerja-kerja mencangkul dan menerangkan halaman rumah, lalu memberi upah.

(Luka Nering, 2014:188)

Selain rawatan dan penjagaan ubat yang diberikan oleh kakitangan hospital, pesakit di rumah sakit tersebut juga memerlukan bantuan dan sokongan daripada masyarakat. Usaha murni yang dilakukan oleh Abang Topi yang menghiburkan pesakit tersebut dengan bermain muzik dan menyanyi merupakan sikap yang terpuji. Abang Topi datang menghiburkan teman-teman lama sekali sebulan. Usaha yang dilakukan oleh Abang Topi ini selari dengan Pemikiran Kekreatifan iaitu mementingkan seni estetika dan keindahan melalui kemahirannya bermain alat muzik dan menyanyi bagi menghiburkan pesakit mental. Situasi tersebut dapat diperhatikan melalui petikan berikut.

Khabarnya, sekarang mereka berdua bermain muzik semula di sebuah kelab malam di Pulau Pinang. Sebulan sekali mereka datang ke rumah sakit menghiburkan teman-teman lama mereka dan juga pesakit-pesakit lain.

(Luka Nering, 2014:231)

Bukan itu sahaja, sikap prihatin ini ditunjukkan oleh kakitangan Hospital Sakit Otak. Perkebunan yang diwujudkan di kawasan hospital tersebut bertujuan membantu pesakit mengurangkan tekanan. Di kebun tersebut, pesakit melakukan pelbagai aktiviti pertanian. Selain itu, bekas pesakit juga diberi peluang untuk bekerja di kebun tersebut. Hasil jualan daripada tanaman tersebut akan diberikan kepada pesakit untuk membeli barang-barang yang diinginkan. Bukan itu sahaja, pesakit yang belum sembuh pendapatan mereka akan disimpan ke dalam tabung yang telah disediakan. Sikap prihatin yang ditunjukkan oleh kakitangan hospital menjadikan kehidupan pesakit lebih harmoni walaupun pada hakikatnya mereka mengalami sakit mental. Sikap prihatin kakitangan Hospital Sakit Otak ini bersesuaian dengan Pemikiran Kebitaraan yang amat menekankan peranan akal dan minda manusia. Masyarakat yang prihatin dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada bekas pesakit mental merupakan strategi yang bijak agar mereka tidak merasa terpinggir dalam masyarakat. Hal inilah yang ditegaskan oleh Mohd Yusof Hasan berkaitan dengan kehebatan minda manusia digunakan secara bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah demi kelangsungan hidup manusia. Situasi tersebut dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

Mengikut kata Sister Yuria, perkebunan itu diwujudkan sebagai salah satu kaedah terapi untuk membentuk fokus para pesakit. Ia juga bertujuan mengurangkan tekanan dalam kalangan pesakit. TC melihat berpuluh-puluh orang pesakit mencangkul, merumput, membaja dan ada juga yang membalut serta memetik buah limau bali dan betik. Di dalam kawasan *farm* itu sendiri terdapat beberapa buah rumah kediaman. Pesakit-pesakit yang sudah sembuh tinggal dan bekerja di pekebunan itu. Kata Sister Yuria lagi, hasil tanaman akan dijual di pasar tempatan dan pendapatan akan diagih-agihkan dalam kalangan pesakit-pesakit yang bekerja

di perkebunan itu. Wang itu mereka guna untuk membeli rokok atau biskut yang mereka inginkan dari pekan Tanjung Rambutan. Biasanya, tugas itu dilakukan oleh atendan. Bagi pesakit-pesakit yang belum sembuh, pendapatan mereka akan dimasukkan ke dalam satu tabung khas.

(Luka Nering, 2014:224-225)

Seperti yang dinyatakan oleh Pengarah Jabatan Kesihatan Kelantan, Ahmad Razin Ahmad Maher dalam Berita Harian keluaran 19 September 2016 mengatakan bahawa:

"Sebenarnya pesakit mental masih ada harapan untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan menjadi warga produktif. Contohnya, syarikat swasta hantar satu tugasan kepada MENTARI seperti buat kuih-muih atau kerja kemahiran seperti jahitan, sulaman, kerja kraf, gubahan bunga atau kerja bersih pejabat. Mereka (pesakit mental) melakukannya dengan baik. Kami didik pesakit buat kerja dan mereka dibayar gaji, jadi ada pendapatan stabil dan membantu mereka untuk pulih," katanya ketika ditemui pada Majlis Perasmian MENTARI Ketereh di sini, hari ini.

Berdasarkan analisis, kajian mendapati bahawa tatacara perhubungan dalam masyarakat yang terdapat dalam kedua-dua novel tersebut ternyata pengarang berjaya mengetengahkan isu-isu semasa yang relevan dalam konteks kehidupan masyarakat pada hari ini. Namun begitu, elemen tatacara perhubungan dalam masyarakat dalam novel *Nenek* adalah lebih relevan berbanding elemen tatacara hubungan dalam masyarakat dalam novel *Luka Nering*. Ini membuktikan bahawa tatacara hubungan dalam masyarakat dalam novel *Nenek* merupakan hubungan yang amat dipentingkan dalam konteks kehidupan di Malaysia. Hubungan dalam masyarakat yang dapat dikesan dalam novel *Nenek* ialah adab berjiran, adab melayan tetamu dan budaya gotong-royong. Walaupun elemen ini nampak biasa namun pada hakikatnya elemen-elemen tersebut merupakan amalan yang harus dipraktikkan untuk melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni. Hal ini demikian kerana elemen tersebut melibatkan hubungan yang berlainan bangsa, agama dan budaya. Ternyata Razali Endun berjaya mengetengahkan tatacara yang boleh memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Elemen-elemen positif dalam novel *Nenek* merupakan pernyataan sosial yang harus diwujudkan dalam kehidupan yang sebenar. Selain itu, hubungan positif antara kaum ini juga mampu mengelakkan tercetusnya rusuhan kaum yang pernah berlaku di Malaysia pada ketika dulu. Sehubungan dengan itu, adab berjiran, menghormati tetamu dan budaya gotong royong merupakan salah satu cara yang dilakukan bagi mengelakkan peristiwa 13 Mei yang pernah menjejaskan keharmonian kaum di Malaysia. Manakala elemen tatacara hubungan dalam masyarakat dalam novel *Luka Nering* hanyalah memfokuskan kepada kehidupan pesakit mental. Antara tatacara hubungan dalam masyarakat dalam novel *Luka Nering* ialah adab melayan tetamu dan sikap prihatin terhadap golongan yang memerlukan. Oleh yang demikian, elemen-elemen ini tidak merangkumi keseluruhan aspek dalam kehidupan bermasyarakat.

Keintelektualan Melayu

Keintelektualan bermaksud kemampuan menggunakan intelek dan akal budi, serta keadaan atau sifat penggunaan fikiran yang mendalam untuk mencari sesuatu jawapan dan penyelesaian yang menuju ke arah kesempurnaan melalui proses berfikir yang bertahap-tahap, teratur, tersusun dan kreatif (Kamus Dewan, 2012: 201).

Manakala menurut Mohd. Koharuddin (2005:103), keintelektualan bermakna keadaan atau sifat penggunaan fikiran yang mendalam dalam mencari sesuatu jawapan atau penyelesaian yang menuju ke arah kesempurnaan, melalui proses berfikir yang bertahap-tahap, teratur dan tersusun. Ciri keintelektualan itu juga dapat dilihat pada proses berfikir secara kreatif dan juga kersionalan idea dan hujah yang dapat pula dipertanggungjawabkan alasannya dalam mencari sesuatu jawapan atau menyelesaikan sesuatu masalah. Keintelektualan dibezakan

daripada proses merasa dengan pancaindera dan proses berkehendak melalui keinginan nafsu. Justeru, Jalaluddin Abdul Malek (dalam Yusmilayati Yunos *et al*, 2016: 80) mendefinisikan keintelektualan Melayu sebagai kemampuan dan kebijaksanaan orang Melayu berfikir dan menerapkan ilmu pengetahuan dalam apa-apa jua bidang. Sehubungan dengan itu, dalam konteks kajian ini, keintelektualan Melayu merujuk kepada watak-watak yang dapat berfikir dengan baik dalam pelbagai aspek kehidupan bagi membangunkan ketamadunan bangsa Melayu.

Dalam novel *Nenek*, pengarangnya jelas memaparkan keintelektualan Melayu menerusi watak Mak Som yang mampu menceritakan sejarah pembukaan negeri Melaka. Meskipun Mak Som tidak pernah mendapat pendidikan formal di sekolah, namun dia mempunyai ilmu dalam menyampaikan sejarah pembukaan negeri Melaka kepada cucunya, Razlan. Apa yang diceritakan oleh Mak Som adalah sama seperti yang tercatat dalam buku teks sejarah. Hal ini bersesuaian dengan Pemikiran Kesaintifikan, iaitu pemikiran yang berasaskan kebenaran, kepastian, kenyataan dan hakikat hidup manusia itu sendiri. Ini dapat dibuktikan menerusi fakta sejarah yang dinyatakan oleh Mak Som mengenai pembukaan negeri Melaka tercatat dalam sejarah buku teks sekolah. Karisma sebagai wanita intelektual dapat dilihat melalui petikan di bawah.

Razlan seronok mendengar apabila sesekali Mak Som bercerita. Mak Som menyampaikan ceritanya macam seorang penglipur lara berpengalaman cerita Mak Som bukan cerita sembarangan. Dia berkisah mengenai sejarah pembukaan negeri Melaka. Walaupun Mak Som tidak mendapat pendidikan formal atau bersekolah tinggi, dia masih mampu bercerita dengan lancar mengenai sejarah pembukaan negeri Melaka membuat Razlan kagum. Berbeza dengan dirinya sendiri yang mengetahui sejarah melalui pembelajaran di sekolah.

(*Nenek*, 2014:12-13)

Seterusnya dalam novel *Nenek* karya Razali Endun (2014), keintelektualan Melayu ini dapat dilihat menerusi teknik bercerita yang diketengahkan oleh Razali Endun dalam memberi kesedaran kepada Dato' Mahfus. Orang Melayu sememangnya terkenal dengan sikap yang bijaksana dalam menyampaikan sesuatu nasihat atau teguran. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Mak Som yang menggunakan pendekatan bercerita mengenai kisah kelkatu, monyet, anjing dan bayang-bayang sebagai pengajaran kepada anaknya, Mahfus. Pendekatan bercerita yang digunakan oleh Mak Som ini memberi kesan yang mendalam kepada Mahfus. Ini dapat dibuktikan apabila Mahfus mulai menyesal dengan tindakan yang telah dilakukan sebelum ini. Sikap kreatif Mak Som ini bersesuaian dengan Pemikiran Kekreatifan yang mementingkan aspek estetika dan keindahan dalam karya sastera. Orang Melayu dulu-dulu sememangnya mempunyai sikap kreatif dalam menyampaikan cerita yang mempunyai maksud tersirat. Situasi tersebut dapat dilihat melalui petikan berikut.

Nasihat-nasihat Mak Som kini banyak menyedarkannya kembali kepadadibuai mimpi yang tidak berkesudahan. Cerita kelkatu, monyet dan anjing dengan bayang-bayang kembali bergentayangan dalam benaknya. Walaupun cerita itu hanya cerita biasa tetapi ia sarat dengan pengajaran. Orang dulu-dulu memang kreatif mencipta cerita bukan sekadar suka-suka, tetapi padat mengandungi makna yang tersirat.

(*Nenek*, 2014:217)

Kesenian

Definisi kesenian menurut Anwar Din (2007:51) ialah ciptaan dan juga penghayatan kreatif yang dizahirkan dalam bentuk benda atau bukan benda. Manakala menurut pandangan Oloan Situmorang (1993:08), kesenian merupakan segala hasil daya cipta atau buah fikiran manusia yang bersifat indah. Oleh itu, apa saja yang merupakan hasil ungkapan fikiran dan daya cipta itu

asalkan ia berbentuk, memiliki sifat keindahan disebut seni. Berdasarkan definisi tersebut, kesenian meliputi kesenian anyaman, peralatan dan hasil ciptaan manusia yang memperlihatkan keindahan.

Dalam novel *Nenek* karya Razali Endun (2014) mengetengahkan seni bina rumah tradisional orang Melayu. Rumah tradisional Melayu merupakan seni bina warisan bangsa. Dalam meniti arus kemodenan, ciri-ciri tersebut semakin hilang ditelan zaman. Tidak ramai masyarakat yang mahu mengekalkan ciri-ciri tradisional pada rumah mereka. Namun dalam novel *Nenek*, Mak Som masih mengekalkan ciri-ciri tradisional pada rumahnya. Ciri-ciri ini diperlihatkan melalui tangga, dinding papan dan rumah itu dibina tiga sebandung. Kesenian seni bina rumah tradisional Melayu ini bersesuaian dengan Pemikiran Kekreatifan yang mementingkan aspek kreativiti, rekaan, seni estetika dan keindahan dalam karya sastera menerusi pemaparan seni bina rumah tradisional Melayu. Situasi tersebut jelas dilihat melalui petikan berikut.

Rumah Haji Kiran dan Mak Som sebuah rumah seni bina Melayu. Ia terletak di pinggir sawah di hujung kampung. Rumah itu dibina tiga sebandung, iaitu rumah serambi, rumah ibu dan rumah dapur. Berdindingkan papan disapu dengan *varnish* berwarna coklat, ia berdiri kira-kira lima kaki dari tanah. Tangganya diperbuat daripada kayu jati.

(*Nenek*, 2014:4)

Keunikan seni bina bangunan juga diketengahkan dalam novel *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK (2014). Kesenian surau tradisional tersebut dilihat melalui ukiran kayu yang halus dan rapi. Kesenian seni bina rumah tradisional Melayu ini bersesuaian dengan Pemikiran Kekreatifan yang mementingkan aspek kreativiti, rekaan, seni estetika dan keindahan dalam karya sastera menerusi pemaparan seni bina surau tradisional Melayu. Keadaan tersebut dijelaskan melalui petikan berikut.

Sungguhpun agak kecil, surau itu sungguh popular dalam kalangan penduduk pekan kerana surau itu terletak berhampiran dengan stesen bas. Walaupun kecil dan diperbuat daripada kayu, namun bikinannya sangat halus dan rapi serta pada tempat-tempatnya memperlihatkan seni pertukangan tradisi orang Melayu.

(*Luka Nering*, 2014:33)

Selain itu, kesenian juga dapat dilihat melalui peralatan mahupun benda yang dihasilkan. Kesenian dalam bentuk benda diperlihatkan melalui novel *Nenek* karya Razali Endun (2014). Hal ini jelas dinyatakan dalam watak Mak Som yang amat menjaga warisan penggunaan tikar mengkuang. Walaupun selalu bertelagah dengan anaknya, Mahfus mengenai penggunaan tikar mengkuang namun Mak Som tetap dengan pendiriannya untuk menjadikan tikar mengkuang sebagai kesenian warisan bangsa. Bagi pelancong asing, tikar mengkuang merupakan sesuatu yang cantik. Berbeza dengan orang tempatan yang lebih mengagungkan permaidani. Pujian yang diberikan oleh pelancong asing menggembirakan hati Mak Som kerana ada juga insan yang pandai menilai hasil kerja tangannya. Kekreatifan Mak Som dalam menghasilkan anyaman tikar mengkuang ini bersesuaian dengan Pemikiran Kekreatifan yang mementingkan aspek kreativiti, rekaan, seni estetika dan keindahan dalam karya sastera menerusi pemaparan seni bina rumah tradisional Melayu. Situasi tersebut dilihat melalui petikan di bawah.

"Terima kasih, terima kasih". Jawab Mak Som bangga. Bibir kepamnya lebar mengorak senyum. Mak Som tersenyum bangga. Dia puas kerana masih ada insan yang memberikan penghargaan ke atas kerja tangannya. Jauh benar dengan sikap kebanyakan orang tempatan, termasuk anaknya, Dato' Mahfus. Dato' Mahfus memang tidak pernah menghargai hasil kerja tangan Mak Som. Sebaliknya, Dato' Mahfus lebih banyak mengaibkan tikar mengkuang Mak Som. Memang Dato' Mahfus tidak mencemuh tikar mengkuang ibunya tetapi dia tetap yakin tikar mengkuang sudah tidak dipandang orang sekarang.

(*Nenek*, 2014:72)

Sehubungan dengan itu, Ibnu Khaldun dalam tulisannya *Muqaddimah* yang dipetik oleh H.Hamzah Ya'Qub (1992:23) menegaskan bahawa 'tidak ada satu halpun yang dapat menggambarkan kebudayaan suatu bangsa, tak ada yang dapat melahirkan cita-cita dan kebatinan suatu kaum bentuk yang lebih jelas selain pertukangan dan bangunan berbagai gedung. Kedudukan rohani setiap bangsa, pandangan hidupnya, cita-citanya dapat dirupakan pada bangunan-bangunan yang didirikannya. Ilmu bangunan, katanya ialah suatu kelahiran kekuatan rohani yang hidup dalam kalangan bangsa. Tiap-tiap bangsa yang mendorong ke arah kemajuan, pasti mempunyai kepintaran ilmu bangunan, sebagai pembuktian, betapa ketinggian peradaban dan cita kebatinannya'.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, novel *Nenek* dan *Luka Nering* merupakan karya yang penting dalam memaparkan konsep identiti Melayu. Dalam menganalisis konsep identiti Melayu jelas memperlihatkan bahawa kedua-dua novel kajian berlandaskan kepada teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) janaan Mohd Yusof Hasan.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Ismail. (1999). *Jalan-jalan Pengabdian Diri kepada Allah Azzawajala*. Batu Caves: Galeri Watikah.
- Abdul Basir Mohamad. (Okt-Dis 2001). "Konsep Kejiranan Mengikut Undang-Undang Tort Islam" dlm *Pemikir* hlm 199-201.
- Abdul Halim Othman. (1993). *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Anwar Din. (2007). *Asas Kebudayaan dan Keseniaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatin Hazwan Siran. (2007). Hubungan *Internal Religiosity* dengan *Budaya Amali Pelajar*. dlm Seminar Kebangsaan Sains Sosial 'Sains Sosial Teras Pembangunan Modal Insan'. Jilid 1. Universiti Putra Malaysia: Institut Pengajian Sains Sosial IPSAS.
- Fauzian Mohammad. (2001). *Ke Arah Pembentukan Masyarakat Madani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (Januari 1984). "Apresiasi Novel" dalam *Dewan Sastera*. 68-69. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H.Hamzah Ya'qub. (1992). *Etos Kerja Islami*. Jakarta CV Pedoman Ilmu Jaya.
- Ishak Saat. (2016). *Warisan Kepimpinan dan Ketuanan Melayu. 1945-2013*. Johor: Penebit UTHM.
- Johari Alias. (1997). *Mencari Kesempurnaan Pekerti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malim Ghazali PK. (2014). *Luka Nering*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mardzelah Makhsin. (2007). *Sains Pemikiran & Etika*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mahyuddin Syaf. (1976). *Fikih Sunnah*. Bandung: P.T. Alma'arif.
- Mohd.Koharuddin Mohd. Balwi. (2005). *Peradaban Melayu*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd.Yusof Hasan. (2007). *Teori Pendidikan Pemikiran Global*. Penerbit Tanjong Malim Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohammad Isa Selamat. (1999). *Solat Hajat Panduan Mencapai Hasrat*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Mustafa Haji Daud. (1999). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nor Amalina Alias. (2016). Berita Harian Online. Pesakit mental jalani rawatan psikiatri perlu diberi pekerjaan. <https://www.bharian.com.my/node/194159>. Diakses pada 31 Januari 2017.

- Nor Faridah Mat Nong. (2015). *Identiti Muslim Eropah: Perspektif Tariq Ramadan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Oloan Situmorang. (1993). *Seni Rupa Islam Pertumbuhan dan Perkembangannya*. Bandung: Penerbit ANGKASA.
- Othman Puteh. (2010). *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisa Tentang Pemikiran dan Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razali Endun. (2014). *Nenek*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Rohidzir Rais. (2011). *Anda bertanya, Ustaz menjawab mengenai solat*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika.
- Suhaimi Haji Said. (1984). *Orang Melayu di Sisi Perlembagaan*. Temerloh: Penerbitan Ujud.
- Yahaya Ibrahim. (1995). *Pemandaran dan Kejiranan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahaya Ismail. (1976). *Sejarah Sastra Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.